

**TALKING POINT**  
**BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN**  
**NAIB CANSOLOR**  
**UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS**  
**SEMPENA SENAMROBIK DAN PERJUMPAAN MINGGUAN**  
**PADA 14 MEI 2013**  
**DI MULTIPURPOSE COURT KUBANG GAJAH**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Satu Malaysia

**SALUTASI**

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP

Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Mohd Fo'ad Sakdan, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) UniMAP,

Yang Berusaha Encik Zuber Bin Haji Mohamad, Timbalan Pendaftar UniMAP,

Yang Berusaha Puan Saodah Hassan, Bendahari UniMAP,

Yang Berusaha Puan Mazmin Mat Akhir, Pemangku Pustakawan UniMAP,

Yang Berusaha Penolong-Penolong Naib Canselor UniMAP,  
Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,

Seterusnya staf Universiti Malaysia Perlis yang saya kasihi sekalian.

Selamat Pagi, Good Morning, Kalai Vannakam, Zao Shang Hao,  
Magandang umaga (Tagalog), ahroonsawad (Bahasa Thai).

### **KATA-KATA ALUAN**

Hadirin sekalian,

1. Bersyukur ke hadrat Allah swt kerana dengan keizinanNya, dapat kita bersama-sama pada pagi yang berbahagia ini. Terima kasih saya titipkan buat staf UniMAP yang masih lagi memberikan sokongan kepada aktiviti senamrobik kita yang bukan sahaja akan menyihatkan badan malah sebagai medan untuk kita berkongsi maklumat dan pengetahuan akan isu-isu terkini yang berlaku di UniMAP. Buat pertama kalinya, teks senamrobik saya tidak mempunyai bahagian Bahasa Inggeris. Sememangnya terasa sedikit kelainan tetapi seperti yang saya

katakan pada senamrobik yang lepas, kita perlu memartabatkan Bahasa Melayu dan salah satu caranya adalah dengan menggunakan bahasa Melayu itu sepenuhnya.

2. Saya menyimpan hasrat untuk menggunakan Bahasa Melayu sepenuhnya walaupun dalam majlis antarabangsa suatu hari nanti. Cuma di kala ini perkara tersebut masih belum boleh dilaksanakan. Tetapi saya percaya, keinginan kita untuk memartabatkan Bahasa Melayu sehingga keperingkat antarabangsa akan menjadi kenyataan. InsyaAllah.

Hadirin sekalian

## **MAKLUMAN PROGRAM TELAH BERLANGSUNG**

### **ITEX 2013**

1. Pertama sekali, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada para penyelidik – penyelidik UniMAP yang berjaya meraih 32 emas, 26 pingat perak dan satu gangsa sekaligus muncul juara keseluruhan bagi ITEX 2013 yang berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala

Lumpur (KLCC), baru –baru ini. Pencapaian ini memperbaiki pencapaian pada ITEX'12 lalu yang mendapat 19 pingat emas, 30 perak dan sembilan gangsa.

2. Lebih manis lagi, pada kali ini, penyelidik-penyelidik muda kita termasuk tiga dari Sekolah Kebangsaan Sena, Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Sheikh Ahmad dan Sekolah Menengah Tuanku Syed Putra berjaya meraih kemenangan 100 peratus selepas meraih 10 emas pada Asian Young Inventors for Young Inventors (AYIE 2013) yang turut diadakan bersempena ITEX 2013 ini. Untuk makluman, seperti tahun lalu, kita telah menghantar sebanyak 60 produk penyelidikan untuk dipertandingkan pada pameran ITEX'13 ini.
3. Saya amat berbangga dengan pencapaian semua penyelidik dan ini merupakan satu pencapaian yang amat memberangsangkan kerana kita telah berjaya menghasilkan produk yang berkualiti tinggi dan menepati citarasa juri yang

inginkan kelainan pada produk selain ianya dapat memberi manfaat kepada masyarakat.

## **MAKLUMAN PROGRAM AKAN BERLANGSUNG**

Hadirin sekalian

### **Sambutan Ulang Tahun Keputeraan DYMM Raja Perlis**

4. Seperti biasa setiap tahun pada bulan Mei ini, semua warga Negeri Perlis akan meraikan Sambutan Ulang Tahun Keputeraan DYMM Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail. Tahun ini merupakan Ulang Tahun Ke-70 baginda yang bertemakan "**RAJA DITAATI, RAKYAT DIRAHMATI, NEGERI DISANJUNGI**", dan di sini saya ingin menyeru agar kita bersama-sama turut serta dalam memeriahkan sambutan pada kali ini. Oleh itu, saya meminta agar bangunan-bangunan kita dihiasi dengan indah sepanjang sambutan ini berlangsung bagi menunjukkan taat setia serta kasih sayang kita kepada DYMM Raja Perlis.

## **Syarahhan Umum Antarabangsa**

5. Pada Sabtu ini pada jam 2.00 petang, akan berlangsungnya Syarahan Umum Antarabangsa yang akan disampaikan oleh Duta Republik Dominica, His Excellency Hans Dannenberg, Tajuk syarahan beliau berkisar tentang **keimpinan dan pengurusan masa cemerlang**, bertempat di Auditorium Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra, Kampus Pauh Putra . Canselor UniMAP, DYTEM Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail akan turut bercemar Duli berangkat hadir pada majlis tersebut.
  
6. Syarahan ini amat memberi manfaat bukan sahaja kepada staf, malahan kepada pelajar yang bakal menjadi pemimpin masa depan. Di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk menjemput semua staf akademik dan pelajar untuk turut serta bagi mendengar sambil menimba pengetahuan tentang cara memimpin serta menguruskan masa dengan baik.

Hadirin sekalian,

### **Program Kampus Lestari UniMAP**

7. Seperti yang disebutkan pengerusi majlis sebentar tadi, saya tertarik untuk berkongsi sedikit maklumat mengenai **Program Kampus Lestari UniMAP** yang sedang giat kita laksanakan. Program ini diketuai oleh Prof. Dr. Zuraidah Mohd Zain dan objektif program ini adalah bagi membentuk dan memberi pendidikan tentang kesedaran mengenai pentingnya amalan menjaga kelestarian dalam usaha menjaga persekitaran kampus yang kita sayangi ini di kalangan semua warga UniMAP.
  
8. Sebagai warga UniMAP, kita hendaklah mewujudkan perasaan cintakan Kampus kita ini. Jadikanlah ia sebagai rumah kedua kita dan jagalah ia sebagaimana kita menjaga rumah kita sendiri. Di sini saya mengalu-alukan kepada semua staf yang untuk turut serta bersama pasukan Program Kampus Lestari UniMAP untuk menjaga kampus yang kita sayangi ini.

## **PENUTUP**

9. Rasanya cukuplah perkongsian, amanat dan nasihat untuk anda semua pada pagi ini, semoga apa yang disampaikan tadi akan menjadi panduan untuk kita sama-sama memperbaiki diri masing-masing. Sebelum mengakhiri ucapan izinkan saya membacakan serangkap pantun:-

***Indahnya Bunga Berwarna Warni***

***Penyeri Taman Buat Tatapan***

***Peliharalah Khazanah Di Masa Kini***

***Untuk Warisan Di Masa Hadapan***

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.